

## PERMOHONAN VISA UMRAH, ANDA PERLU MENYEDIAKAN:

1. **Passport Antarabangsa Malaysia** yang tempoh sah lakunya TIDAK KURANG dari 6 bulan dari tarikh penerbangan berserta 6 muka surat kosong.
2. **Kad suntikan** atau **surat pengesahan suntikan ACYW135** daripada doktor.
3. DUA keping gambar berukuran **4CM x 6CM** berlatar belakang warna **PUTIH**. Pakaian bukan warna cerah & tidak memakai cermin mata. Wanita wajib mengenakan tudung kepala gelap, manakala lelaki tidak dibenarkan memakai songkok atau menutup kepala.

**Nota:** Kesemua dokumen yang dimaklum ini perlu diserahkan kepada pihak Az Zuha Group Travel & Tours Sdn Bhd **45 hari** sebelum tarikh penerbangan supaya urusan permohonan visa umrah/haji tidak terganggu.

JEMAAH	MAHRAM	DOKUMEN DIPERLUKAN	NOTA
<p><b>Isteri</b></p> <p><i>Di bawah umur 45 tahun</i></p>	<p><b>Suami</b></p>	<p>Salinan <b>sijil nikah</b> yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk) dan Wisma Putra.</p>	<p>✓ Surat akuan sumpah bagi membuktikan hubungan suami isteri tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.</p>
<p><b>Anak perempuan berumur di bawah 45 tahun &amp; anak lelaki berumur di bawah 18 tahun.</b></p> <p><i>Jika anak perempuan di bawah umur 16 tahun &amp; anak lelaki di bawah umur 13 tahun, ibu kandung perlu turut serta.</i></p>	<p><b>Bapa</b></p>	<p>Salinan <b>sijil lahir</b> anak yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra.</p> <p>Salinan <b>sijil nikah</b> ibu bapa yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk) dan Wisma Putra.</p> <p>Bagi anak perempuan yang telah berkahwin, perlu disertakan salinan <b>sijil nikahnya</b> yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk) dan Wisma Putra, <b>surat keizinan (letter of consent)</b> dari suami yang dicop oleh Pesuruhjaya sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> suami yang disahkan oleh JPN.</p>	<p>✓ Pastikan salinan sijil nikah tersebut jelas bagi mengelakkan keraguan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.</p> <p>✓ Surat akuan sumpah bagi membuktikan hubungan anak dan bapa tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.</p>
<p><b>Cucu</b></p> <p><i>Jika cucu perempuan di bawah umur 16 tahun &amp; cucu lelaki di bawah umur 13 tahun, ibu kandung perlu turut serta.</i></p>	<p><b>Datuk</b></p> <p><i>Kedua-dua belah keluarga (bapa / ibu).</i></p>	<p>Salinan <b>sijil lahir</b> cucu yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra.</p> <p>Salinan <b>sijil lahir</b> ibu / bapa (bagi membuktikan hubungan dengan datuk) yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra.</p> <p><b>Surat keizinan (letter of consent)</b> dari bapa yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> bapa yang disahkan oleh JPN.</p>	<p>✓ Bagi ibu / bapa yang telah meninggal dunia, salinan <b>sijil kematian</b> yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra perlu disertakan.</p> <p>✓ Perlu <b>surat keizinan (letter of consent)</b> dari adik beradik lelaki <b>atau</b> waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan seperti <b>sijil lahir</b> dan salinan <b>kad pengenalannya</b> (disahkan JPN).</p>

JEMAAH	MAHRAM	DOKUMEN DIPERLUKAN	NOTA
<p><b>Adik beradik perempuan di bawah 45 tahun &amp; adik beradik lelaki di bawah 18 tahun</b></p> <p><i>Jika adik beradik perempuan di bawah umur 16 tahun &amp; adik beradik lelaki di bawah umur 13 tahun, ibu kandung perlu turut serta.</i></p>	<p><b>Adik beradik lelaki 19 tahun ke atas</b></p> <p><i>Yang telah mencapai umur 19 tahun pada hari penerbangan.</i></p>	<p>Salinan <b>sijil lahir</b> kedua-dua adik beradik yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra.</p> <p><b>Surat keizinan (letter of consent)</b> dari bapa yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> bapa yang disahkan oleh JPN.</p> <p>Bagi wanita yang telah berkahwin, perlu disertakan salinan <b>sijil nikahnya</b> yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk) dan Wisma Putra, <b>surat keizinan (letter of consent)</b> dari suami yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> suami yang disahkan oleh JPN.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bagi ibu / bapa yang telah meninggal dunia, salinan <b>sijil kematian</b> yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra perlu disertakan.</li> <li>✓ Perlu <b>surat keizinan (letter of consent)</b> dari adik beradik lelaki <b>atau</b> waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan seperti <b>sijil lahir</b> dan salinan <b>kad pengenalannya</b> (disahkan JPN).</li> <li>✓ Surat akuan sumpah bagi membuktikan hubungan adik beradik tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.</li> </ul>
<p><b>Anak saudara</b></p> <p><i>Jika anak saudara perempuan di bawah umur 16 tahun &amp; anak saudara lelaki di bawah umur 13 tahun, ibu kandung perlu turut serta.</i></p>	<p><b>Bapa saudara</b></p> <p><i>Kedua-dua belah keluarga (bapa / ibu).</i></p>	<p>Salinan <b>sijil lahir</b> anak saudara, dan bapa saudara, salinan <b>sijil lahir</b> ibu / bapa yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra (bagi membuktikan hubungan).</p> <p><b>Surat keizinan (letter of consent)</b> dari bapa yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> bapa yang disahkan oleh JPN.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bagi ibu / bapa yang telah meninggal dunia, salinan <b>sijil kematian</b> yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra perlu disertakan.</li> <li>✓ Perlu <b>surat keizinan (letter of consent)</b> dari adik beradik lelaki <b>atau</b> waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan seperti <b>sijil lahir</b> dan salinan <b>kad pengenalannya</b> (disahkan JPN).</li> </ul>
<p><b>Ibu saudara</b></p>	<p><b>Anak saudara</b></p> <p><i>Yang telah mencapai umur 19 tahun pada hari penerbangan. Sebelah abang atau kakak.</i></p>	<p>Salinan <b>sijil lahir</b> ibu saudara dan anak saudara, salinan <b>sijil lahir</b> ibu / bapa kepada anak saudara yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra. (bagi membuktikan hubungan).</p> <p><b>Surat keizinan (letter of consent)</b> dari suami / bapa yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> suami / bapa yang disahkan oleh JPN.</p> <p>Bagi wanita yang telah berkahwin, perlu disertakan salinan <b>sijil nikahnya</b> yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk) dan Wisma Putra.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bagi ibu / bapa yang telah meninggal dunia, salinan <b>sijil kematian</b> yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra perlu disertakan.</li> <li>✓ Perlu <b>surat keizinan (letter of consent)</b> dari adik beradik lelaki atau waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan seperti <b>sijil lahir</b> dan salinan <b>kad pengenalannya</b> (disahkan JPN).</li> </ul>

JEMAAH	MAHRAM	DOKUMEN DIPERLUKAN	NOTA
<p><b>Anak tiri</b></p> <p><i>Ibu kandung perlu turut serta.</i></p>	<p><b>Bapa tiri</b></p>	<p>Salinan <b>sijil lahir</b> anak tiri yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra.</p> <p>Salinan <b>sijil penceraian</b> ibu bapa kandung yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk) dan Wisma Putra.</p> <p>Salinan <b>sijil nikah</b> ibu bapa tiri yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk) dan Wisma Putra.</p> <p><b>Surat keizinan (letter of consent)</b> dari bapa yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> bapa yang disahkan oleh JPN.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bagi bapa yang telah meninggal dunia, salinan <b>sijil kematian</b> yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra perlu disertakan.</li> <li>✓ Perlu surat keizinan (letter of consent) dari waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan seperti <b>sijil lahir</b> dan salinan <b>kad pengenalannya</b> (disahkan JPN).</li> <li>✓ Surat akuan sumpah bagi membuktikan hubungan anak-bapa tiri tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.</li> </ul>
<p><b>Anak angkat</b></p> <p><i>Ibu angkat perlu turut serta.</i></p>	<p><b>Bapa angkat</b></p>	<p>Salinan <b>sijil lahir</b> anak angkat yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra.</p> <p>Salinan <b>sijil pengambilan anak angkat</b> yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pastikan salinan sijil lahir tersebut jelas bagi mengelakkan keraguan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.</li> <li>✓ Surat akuan sumpah bagi membuktikan hubungan anak-bapa tiri tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.</li> </ul>
<p><b>Muallaf</b></p>	<p>Salinan <b>kad / surat memeluk agama Islam</b> yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Muallaf) dan Wisma Putra.</p> <p>~ Salinan <b>sijil nikah</b> yang disahkan oleh Jabatan Agama Islam (Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk) dan Wisma Putra.</p> <p>~ Salinan <b>sijil lahir</b> adik-beradik yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra.</p> <p><b>** Surat keizinan (letter of consent)</b> dari bapa yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> bapa yang disahkan oleh JPN **</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bagi bapa yang telah meninggal dunia, salinan <b>sijil kematian</b> yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra perlu disertakan.</li> <li>✓ Perlu <b>surat keizinan (letter of consent)</b> dari waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan seperti <b>sijil lahir</b> dan salinan <b>kad pengenalannya</b> (disahkan JPN). <b>(sekiranya ada)</b></li> </ul>	
<p><b>Warganegara asing</b></p>	<p><b>Permastautin tetap (PR):</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <b>Kad pengenalan PR</b> yang asal.</li> <li>➤ <b>Surat pengesahan majikan</b> (dalam bahasa Inggeris) yang disahkan oleh Notary Public dan Wisma Putra.</li> <li>➤ Jika tidak bekerja, sertakan <b>surat akuan sumpah</b> (dalam bahasa Inggeris) yang disahkan oleh Wisma Putra.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pembantu rumah (maid) mestilah bermahramkan majikan, tidak boleh pergi sendiri tanpa mahram.</li> </ul>	

<p><b>Warganegara asing</b></p>	<p>Permit/Visa bekerja (Multiple entry):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <b>Surat pengesahan majikan</b> (dalam bahasa Inggeris) yang disahkan oleh Notary Public dan Wisma Putra.</li> <li>➤ <b>Surat keizinan (letter of consent)</b> dari majikan yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> majikan yang disahkan oleh JPN.</li> </ul> <p>Permit/Visa belajar (Multiple entry):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <b>Surat pengesahan</b> dari kolej / universiti / sekolah yang disahkan oleh Notary Public dan Wisma Putra. (Surat pengesahan dalam Bahasa Inggeris).</li> </ul> <p>Permit/Visa keluarga (Multiple entry):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Salinan <b>sijil nikah / sijil lahir</b> yang disahkan oleh kedutaan masing-masing dan Wisma Putra.</li> <li>➤ <b>Visa / permit</b> perlu sah laku 6 bulan ke atas dari tarikh permohonan visa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pembantu rumah (maid) yang bermahramkan bapa, anak atau adik beradik lelaki majikan, perlu <b>surat keizinan</b> dari majikan yang disahkan oleh Notary Public dan Wisma Putra, serta <b>surat keizinan (letter of consent)</b> dari majikan yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra, serta salinan <b>kad pengenalan</b> bapa yang disahkan oleh JPN</li> <li>✓ Hal-hal lain tertakluk kepada budi bicara Kedutaan Arab Saudi.</li> </ul>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebarang perubahan dokumen adalah tertakluk kepada kemaskini terbaru oleh Kedutaan Arab Saudi (Saudi Embassy) dari masa ke semasa.</li> <li>2. Surat keizinan (letter of consent) dan surat pengesahan mestilah dalam bahasa Inggeris. Sila rujuk kami format surat ini.</li> <li>3. Pengesahan dokumen oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hendaklah dibuat di ibu pejabat JPN setiap negeri atau mana-mana cawangan JPN.</li> <li>4. Pengesahan dokumen oleh Jabatan Agama Islam hendaklah dibuat di mana-mana pejabat agama bahagian <i>Nikah, Cerai dan Rujuk</i> sahaja.</li> <li>5. Pengesahan dokumen oleh Wisma Putra (Kementerian Luar Negeri) hendaklah dibuat di: <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Kementerian Luar Negeri Malaysia (Semenanjung), Kompleks Wisma Putra, No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62602 Putrajaya.</li> <li>❖ Kementerian Luar Negeri Malaysia (Sarawak), Level 14, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93300 Kuching, Sarawak.</li> <li>❖ Kementerian Luar Negeri Malaysia (Sabah), Blok A, Tingkat 7, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.</li> </ul> </li> </ol>		
<p>Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, boleh hubungi 03-89123367, sambungan ke bahagian visa.</p>		

**Kemaskini: 13 Jun 2017**

